

09 MAY 1996

PERJUMPAAN CERAMAH S46 KELANTAN DIBATALKAN

PASIR PUTEH, 9 Mei (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) Kelantan terpaksa menangguhkan serta-merta perjumpaan dengan penceramah parti itu yang dijadual diadakan di Gelanggang Seni Kota Baharu malam ini.

Ketua Penerangan S46 Kelantan, Datuk Wan Omar Wan Majid berkata, penangguhan itu juga berikutan perkembangan politik yang tidak menentu dalam parti itu.

Bercakap kepada Bernama hari ini, beliau berkata, Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur menyebabkan parti itu dalam keadaan serba-salah dan tidak mengetahui arah tujuan masing-masing.

Beliau berkata, lebih 100 penceramah dijangka menghadiri perjumpaan penting itu untuk membincangkan isu-isu semasa yang menyentuh hubungan parti S46 dengan PAS.

Perjumpaan itu mungkin akan diadakan selepas sambut ulangtahun UMNO ke-50 pada 11 Mei. -- BERNAMA

WM OBA.